



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 17/2017 dari 23 April hingga 29 April 2017)

Kes denggi pada minggu ke-17 tahun 2017 iaitu dari 23 April hingga 29 April 2017 menunjukkan penurunan, iaitu sejumlah 1,894 kes Demam Denggi telah dilaporkan, menurun sebanyak 126 kes (6.2%) berbanding 2,020 kes pada minggu ke-16 tahun 2017. Terdapat empat (4) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Kedah 20 kes (87%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 16 kes (7.1%), Terengganu 9 kes (450%) dan Sabah 9 kes (32.1%). Terdapat lima (5) kes kematian dilaporkan sepanjang minggu ke-17, di mana jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 74 kematian, berbanding 98 kematian dilaporkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama, pengurangan sebanyak 24 kes (24.5%).

Hasil pemantauan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu ke-17 tahun 2017 mendapati jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan sehingga 29 April 2017, ialah sebanyak 31,319 kes berbanding 44,202 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 12,883 kes (29.1%).

Daripada 23 hingga 29 April 2017, sejumlah 723 lokaliti wabak Demam Denggi masih aktif di 13 negeri pada minggu ke-17. Pada minggu yang sama juga, terdapat 108 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan enam (6) buah negeri iaitu 69 lokaliti di Selangor, 14 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 12 lokaliti di Negeri Sembilan, 9 lokaliti di Perak, 3 lokaliti di Johor, dan 1 lokaliti di Pulau Pinang.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah menerima sebanyak 4 kes Chikungunya iaitu dua (2) dari daerah Kuala Muda manakala satu (1) kes masing-masing dilaporkan dari daerah Baling, Kedah dan daerah Johor Bahru, Johor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 29 April 2017 adalah sebanyak 137 kes iaitu 115 kes dari Kedah, 18 kes dari Selangor dan 4 kes dari Johor.

Pemantauan sistem surveilan virus Zika dari 1 Januari sehingga 29 April 2017 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), mendapati keputusan ujian bagi 567 sampel darah dan air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif. Menurut laporan situasi mengenai virus Zika yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 10 Mac 2017, terdapat sebanyak 84 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika.

“Gotong Royong Mega Bersepadu Perangi Aedes Siri 1 2017” telah berjaya dijalankan pada 29 April 2017 melibatkan 105 daerah yang meliputi 121 lokasi di seluruh negara. Diharapkan impak daripada aktiviti tersebut akan membendung peningkatan kes denggi. Kementerian Kesihatan Malaysia menyeru supaya masyarakat meneruskan pelaksanaan aktiviti pembersihan dan menghapuskan tempat-tempat potensi untuk pembiakan nyamuk *Aedes* di premis masing-masing setiap minggu. Komitmen daripada individu, masyarakat dan agensi lain dalam aktiviti pencegahan Denggi diperlukan untuk membendung peningkatan kes Denggi yang dijangkakan akan berlaku bermula dari bulan Jun sehingga September tahun ini. **Tiada Aedes, Tiada Denggi dan Chikungunya.**


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

 Mei 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2017
(23 April hingga 29 April 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 17/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 17/2016	
		Minggu 17 (23 April – 29 April 2017)		Minggu 16 (16 April – 22 April 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	2	0	3	0	63	0	78	0
2	Kedah	43	0	23	0	455	1	298	1
3	P. Pinang	52	0	100	0	780	5	1,664	10
4	Perak	171	0	181	0	2,782	6	1,731	4
5	Selangor	1,006	2	1,036	3	16,603	26	23,591	36
6	WP KL & Putrajaya	241	1	225	0	2,988	11	3,026	4
7	N. Sembilan	76	0	125	0	1,380	7	1,137	10
8	Melaka	18	0	29	0	608	0	907	1
9	Johor	154	1	160	1	2,253	9	6,209	10
10	Pahang	28	0	34	0	731	1	1,095	5
11	Terengganu	11	0	2	0	116	0	1,457	12
12	Kelantan	40	0	58	0	1,377	2	948	1
13	Sarawak	15	1	15	0	505	3	934	3
14	Sabah	37	0	28	0	674	3	1,125	1
15	WP Labuan	0	0	1	0	4	0	2	0
	MALAYSIA	1,894	5	2,020	4	31,319	74	44,202	98

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 17/2017
(23 April hingga 29 April 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	160	270
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	110	170
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	54	143
4	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	58	123
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	35	123
6	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 2	31	111
7	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 8	31	105
8	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	20	104
9	WPKL	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 19-49)	46	102
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 4/1-4/9 Taman Pelangi Semenyih	43	102
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunfield Riverview)	51	95
12	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	36	95
13	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Bandar Teknologi	28	86
14	PERAK	Kinta	Tmn Cempaka	65	85
15	WPKL	Cheras	Flat Sri Kota	34	84
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 15/1 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	22	82
17	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 6	20	80
18	PERAK	Kinta	Tmn Mewah,Ulu Kinta	32	79

19	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	13	78
20	SELANGOR	Gombak	Tmn Bersatu	11	76
21	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Setia Balakong	19	75
22	PERAK	Kinta	Regrouping Area,Menglembu	26	75
23	PERAK	Kinta	Pekan Razaki	36	74
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Jaya)	42	74
25	N SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/2)	25	73
26	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (J)	17	73
27	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 6 Flat Pelangi Damansara (D, E, F)	28	73
28	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	23	73
29	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Permai (Flat Blok F)	13	71
30	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	18	69
31	SELANGOR	Gombak	Appt Julia	29	69
32	PERAK	Kinta	Tmn Menglembu Impiana Adril	27	68
33	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi (Upnm)	66	67
34	SELANGOR	Gombak	Appt Laguna Biru	52	66
35	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	14	66
36	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 7	11	63
37	SELANGOR	Hulu Langat	Pandan Height Kondo Taman Pandan Mewah	23	63
38	SELANGOR	Klang	Tmn Setia (Jln Setia 2)	35	62
39	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	9	62
40	SELANGOR	Sepang	Kg. D.A.Baginda	14	62
41	WPKL	Cheras	Kg. Malaysia Tambahan(Jln 1-19/141)	26	61

42	PERAK	Kinta	Tmn Silibin	25	61
43	SELANGOR	Hulu Langat	Rumah Pangsa Sri Muhibbah	16	60
44	WPKL	Cheras	Ppr Sri Alam B (Blok 6 - Blok 12)	11	59
45	N SEMBILAN	Seremban	Taman Arowana Impian	14	58
46	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Puncak Perdana : Uitm)	64	57
47	N SEMBILAN	Seremban	Taman Tuanku Jaafar Fasa 3	21	55
48	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Sri Alam_ Flat Tasek 64	16	55
49	SELANGOR	Hulu Langat	Rumah Kedai Taman Putra Kajang	31	53
50	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kasturi Taman Kosas	16	53
51	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (Teres A : Jln 6/1a - 6/2f & 6/9a - 6/10a)	9	53
52	WPKL	Cheras	Flat Taman Mulia (Blok C,D,E,F)	16	52
53	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2)	13	51
54	SELANGOR	Sepang	Apt Megah Villa	21	50
55	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Telok	12	50
56	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 14 (Villa Pavilion)	9	50
57	N SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/1)	17	50
58	SELANGOR	Gombak	Appt Orkid Bkt Indah	15	49
59	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 39-45 Kampung Cheras Baru	12	48
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres K : Jln 7/70 - 7/89)	8	47
61	N SEMBILAN	Seremban	Taman Rasah Jaya Fasa 5	15	47
62	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Kuarters Polis : Blok 5 - 12)	10	47
63	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 9 Parcel 10	11	47
64	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 (Tmn.Sri Buloh&Rmh Mrh Pkns:Jln	15	46

			U19/1-U19/12c&Rmh Pngsa Tmn Sri Blh)		
65	N SEMBILAN	Seremban	Appartment Desa Palma	13	45
66	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 23-32 Taman Jasmin	11	45
67	WPKL	Cheras	Pangsapuri Kasturi	12	45
68	WPKL	Cheras	Appt Lestari	13	44
69	WPKL	Cheras	Ppr Pudu Ulu	7	43
70	P PINANG	Timur Laut	Kuaters Penjara	97	42
71	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Lp 7-Flat)	14	41
72	SELANGOR	Hulu Langat	Kondominium Sri Angsana Hilir Taman Sri Angsana Hilir	10	41
73	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Uda Utama _Uda Utama 1/	7	40
74	SELANGOR	Klang	T.S (Jln Dato Abdul Hamid 14)	12	39
75	N SEMBILAN	Seremban	Appartment Desa Anggerik	25	39
76	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 4/10-4/15 Taman Pelangi Semenyih	7	39
77	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Kasih Saujana Impian	22	39
78	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Harmoni Balakong	8	39
79	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa-Aq	18	39
80	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cempaka Blok 15-27	5	39
81	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat B : Blok 11 - 22)	10	38
82	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	29	38
83	PERAK	Kinta	Teluk Kurin B	7	38
84	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	7	38
85	WPKL	Cheras	Flat Sri Melaka B (Blok 26-40)	11	37
86	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	23	37

87	N SEMBILAN	Seremban	Flat Casurina	20	37
88	SELANGOR	Sepang	E-Mas Villa	14	37
89	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28)	9	36
90	N SEMBILAN	Seremban	Perdana College Heights	6	36
91	WPKL	Cheras	Flat Sri Selangor	9	35
92	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 11 (The Sanderson Condo)	8	35
93	N SEMBILAN	Seremban	Garden Homes (Fasa F)	7	34
94	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	10	34
95	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 7 (Pkns/ Bosnia)	15	34
96	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Astaria Taman Kosas	5	34
97	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 Taman Perindustrian Saujana Indah	7	33
98	SELANGOR	Hulu Langat	Kuarters Hospital Ampang	5	33
99	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres C (Jln 17/25 - 17/30)	6	33
100	N SEMBILAN	Seremban	Taman Casuarina	7	33
101	SELANGOR	Klang	B.B.R (Jln Klang Sentral)	19	33
102	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Kinrara 1 (Melor)	7	32
103	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	7	32
104	SELANGOR	Petaling	Seksyen U3 (Pangsapuri Daisy C : Blok 9 - 13)	10	32
105	N SEMBILAN	Seremban	Taman Pinggiran Senawang	14	32
106	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Wira Damai	4	31
107	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Pinang Kampung Melayu Ampang	7	31
108	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	11	31